



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

7 MAC 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 1,235 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 353,324 kes. Sebanyak lima (5) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di daerah Ranau dan masing-masing satu (1) di Keningau, Kalabakan dan Kuala Penyu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 3,494 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 316,522 orang. Manakala 1,313 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 857 orang di hospital, 439 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 15 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan dua (2) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 60 orang merangkumi 51 di ICU/repurposed kritikal *care* serta sembilan (9) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 27 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada Perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Sabah meneruskan trend penurunan dengan mencatatkan angka jangkitan baharu sebanyak 1,235 kes, iaitu penurunan sebanyak 280 kes berbanding semalam.
- b. Sebanyak 21 daerah mencatatkan penurunan jumlah kes harian dengan lima (5) daripadanya menunjukkan penurunan yang agak banyak iaitu Kota Kinabalu - 127, Keningau -32, Kota Marudu -31, Kota Belud -22 dan Tawau -22.
- c. Walau bagaimanapun beberapa daerah terus merekodkan bilangan kes-kes baharu yang lebih tinggi berbanding sebelumnya termasuk daerah Papar yang mencatat 141 kes baharu (+54). Papar juga menjadi penyumbang kes kedua tertinggi selepas Kota Kinabalu dan 72.3% daripada kes-kes tersebut adalah melalui jangkitan sporadik.
- d. Peratusan kes-kes simptomatik yang berpunca daripada jangkitan sporadik kekal tinggi, iaitu 65.02% daripada keseluruhan kes-kes baharu di Sabah hari ini. Keadaan ini dapat dilihat dengan jelas apabila 22 daripada 27 daerah di Sabah merekodkan kes simptomatik (bergejala) sebagai kategori tertinggi kes-kes baharu di daerah berkenaan.
- e. Jangkitan sporadik mudah berlaku dan merebak dengan cepat. Atas faktor inilah maka perlunya semua golongan masyarakat mematuhi semua SOP secara serius bagi mengekang penularan virus dalam komuniti.
- f. Sebanyak 1,221 atau 98.87% daripada 1,235 kes-kes baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, lima (5) kes dalam Kategori 3, lima (5) kes dalam Kategori 4 dan empat (4) kes dalam Kategori 5.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	309	25.02%
3	Bergejala	803	65.02%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	123	9.96%
JUMLAH		1,235	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (6 Mac 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 06/03/2022	Catatan Kes 07/03/2022	Perbandingan
1	Papar	87	141	+54
2	Penampang	103	128	+25
3	Beaufort	32	49	+17
4	Kalabakan	1	11	+10
5	Sipitang	37	41	+4
6	Lahad Datu	24	26	+2
7	Kota Kinabalu	479	352	-127
8	Keningau	76	44	-32
3	Kota Marudu	64	33	-31
10	Kota Belud	49	27	-22
11	Tawau	68	46	-22
12	Kuala Penyu	45	26	-19
13	Sandakan	43	25	-18
14	Tuaran	133	117	-16
15	Kudat	32	17	-15
16	Putatan	28	14	-14
17	Tenom	38	25	-13
18	Tambunan	41	29	-12
19	Ranau	30	18	-12
20	Pitas	23	13	-10
21	Beluran	18	8	-10
22	Nabawan	18	11	-7
23	Semporna	6	2	-4
24	Tongod	12	8	-4
25	Kinabatangan	12	10	-2
26	Telupid	12	11	-1
27	Kunak	4	3	-1
JUMLAH		1,515	1,235	-280

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	67	256	0	29	352	12,068
Papar	0	31	102	0	8	141	2,801
Penampang	0	24	103	0	1	128	3,663
Tuaran	0	56	49	0	12	117	3,338
Beaufort	0	9	26	0	14	49	1,586
Tawau	0	3	36	0	7	46	1,820
Keningau	0	11	30	0	3	44	1,646
Sipitang	0	19	20	0	2	41	702
Kota Marudu	0	17	12	0	4	33	944
Tambunan	0	11	17	0	1	29	504
Kota Belud	0	8	12	0	7	27	1,637
Lahad Datu	0	0	12	0	14	26	842
Kuala Penyu	0	15	10	0	1	26	672
Sandakan	0	6	19	0	0	25	1,348
Tenom	0	5	20	0	0	25	882
Ranau	0	4	6	0	8	18	749
Kudat	0	0	17	0	0	17	347
Putatan	0	1	12	0	1	14	1,755
Pitas	0	2	9	0	2	13	411
Telupid	0	3	7	0	1	11	356
Nabawan	0	5	6	0	0	11	382
Kalabakan	0	1	8	0	2	11	99
Kinabatangan	0	8	2	0	0	10	238
Beluran	0	3	3	0	2	8	366
Tongod	0	0	7	0	1	8	278
Kunak	0	0	2	0	1	3	205
Semporna	0	0	0	0	2	2	107
JUMLAH	0	309	803	0	123	1,235	39,746

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 3,896unit

- Hospital 1,739 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,917 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 212 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 33.70%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 7 MAC 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	1,226
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	7
Jumlah	1,235

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Jepun	1
Jumlah	1

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Sarawak	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	1,205
Bukan Malaysia	30
Jumlah	1,235

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	73
Belum Menerima Vaksin (5-11)	41
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	76
Menerima 1 Dos	24
Lengkap 2 Dos	510
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	511
Jumlah	1,235

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	18
1-4	55
5 -11	64
12-17	34
18-29	309
30-39	335
40-49	172
50-59	108
60-69	77
70-79	41
80-89	20
>90	2
Jumlah	1,235

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 6 Mac 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 10,041 orang. Daripada jumlah ini, seramai 8,365 orang adalah penduduk dewasa, 90 orang adalah penduduk remaja 1,591 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 2 setakat 6 Mac 2022 adalah seramai 2,520,581 orang. Ini meliputi 2,119,993 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.04% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,414,319 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,100,462 orang atau 77.32% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 339,328 orang atau 79.62% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 313,856 atau 73.64% orang setakat ini.

- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 62,851 atau 15.28% orang telah menerima 1 dos vaksin manakala penduduk kanak-kanak yang telah lengkap dos vaksin ialah 1 atau 0.00% orang.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **683,784** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Satu (1) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan oleh PDRM seluruh Sabah.
- Satu (1) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka.
- 2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 114+ pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 76 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan dan Dermaga Sabah 2002 yang disyaki melakukan kesalahan Dibawah Akta Kawalan Bekalan 1961.
- 3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 844 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak dua (2) kompaun dikeluarkan pada hari ini oleh Majlis Daerah Kuala Penyu. Kompaun dikeluarkan atas kesalahan individu gagal mendaftar masuk menggunakan aplikasi MySejahtera atau menggunakan buku pendaftaran. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.

- ii DBKK dan KKM telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 1, 060 premis perniagaan dan 2, 391 individu di 18 kawasan. Sepuluh (10) kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh KKM dalam Operasi Bersepadu yang diketuai oleh KKM & DBKK ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran.

- 4 Rondaan Ajen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 66 Premis Perniagaan melibatkan 35 anggota APM.

- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 129 anggota.

- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.

- 7 Sejumlah 160 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di enam (6) daerah pada hari ini.

- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 693 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.6%
2	Keningau	98.5%
3	Beluran	98.5%
4	Semporna	98.4%
5	Tenom	98.4%
6	Kota Marudu	98.2%
7	Kota Belud	98.1%
8	Kudat	98.1%
9	Kota Kinabalu	98%
10	Beaufort	98%
11	Lahad Datu	98%
12	Ranau	98%
13	Sandakan	98%
14	Tuaran	98%
15	Papar	98%
16	Kinabatangan	98%
17	Tawau	97.9%
18	Sipitang	97.9%
19	Penampang	97.9%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II